



## KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN EKONOMI  
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,  
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya  
No. Telefon : 03 - 8090 4681

### INDEKS KOS BAHAN BINAAN SEPTEMBER 2025

**Indeks harga seunit besi mencatatkan peningkatan antara 0.4 peratus hingga 1.9 peratus pada September 2025**

**PUTRAJAYA, 9 Oktober 2025** – Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menerbitkan laporan **SIARAN KHAS UNTUK KERJA-KERJA PEMBINAAN BANGUNAN DAN STRUKTUR, SEPTEMBER 2025**. Laporan ini menyediakan indeks harga seunit bahan binaan terpilih dan Indeks Kos Bahan Binaan Bangunan (IKB) mengikut kategori bangunan dan kawasan.

Dalam kenyataan pada hari ini, Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin memaklumkan bahawa indeks harga besi menunjukkan peningkatan pada September 2025, iaitu antara 0.4 peratus sehingga 1.9 peratus berbanding bulan lepas. Peningkatan tertinggi indeks harga bahan ini telah direkodkan di Miri (1.9%) diikuti dengan Perak (1.8%) dan Sibu (1.7%).

Ketua Perangkawan Malaysia juga menyatakan bahawa indeks harga keratan keluli & logam turut meningkat pada September 2025, dengan perubahan bulan ke bulan antara 0.2 peratus hingga 0.5 peratus di semua kawasan Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Selain itu, indeks harga seunit simen pula kekal tidak berubah bagi semua kawasan kecuali peningkatan dalam indeks di Terengganu & Kelantan (0.4%) dan Sandakan (0.3%).

Perbandingan tahunan untuk tempoh September 2024 dan September 2025 menunjukkan indeks harga seunit besi merekodkan penurunan antara negatif 2.8 peratus hingga negatif 8.6 peratus bagi kebanyakan kawasan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Penurunan tertinggi bagi indeks harga seunit bahan ini telah dicatatkan di Pulau Pinang, Kedah & Perlis (-8.6%).

Selain daripada itu, perbandingan tahun ke tahun bagi indeks harga seunit simen pula telah mencatatkan peningkatan antara 0.5 peratus hingga 3.9 peratus pada September 2025 berbanding bulan yang sama tahun lalu, bagi seluruh kawasan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Peningkatan tertinggi bagi indeks ini dicatatkan di Tawau (3.9%), diikuti dengan Sandakan (2.8%) dan Selangor, W.P. Kuala Lumpur, Melaka & Negeri Sembilan (2.5%).

Ketua Perangkawan Malaysia turut menyatakan bahawa purata harga seunit besi yang terdiri daripada bar bulat keluli lembut dan *Mycon 60 high tensile deformed bars* merekodkan peningkatan 0.7 peratus, dengan purata harga RM3,516.11 bagi setiap tan metrik berbanding bulan sebelumnya (Ogos 2025: RM3,491.35 per tan metrik). Tambahan daripada itu, purata harga bagi simen *Ordinary Portland* juga telah mencatatkan peningkatan kecil (0.2%) dengan purata harga RM23.90 per 50 kg sekarang berbanding Ogos 2025 (RM23.85 per 50 kg sekarang).

Perbandingan bulanan IKB termasuk bar keluli mengikut kategori bangunan dan kawasan di Semenanjung Malaysia mencatatkan peningkatan antara 0.1 peratus hingga 0.8 peratus pada bulan September 2025 berbanding bulan sebelumnya. Peningkatan ini dicatatkan bagi semua kategori bangunan dan kawasan di Semenanjung Malaysia.

Sementara itu, IKB termasuk bar keluli di Sabah juga menunjukkan peningkatan kecil iaitu antara 0.1 peratus dan 0.6 peratus bagi semua kategori bangunan dan kawasan pada September 2025 berbanding bulan sebelumnya. Pada tempoh yang sama, IKB termasuk bar keluli di Sarawak merekodkan peningkatan kecil iaitu antara 0.1 peratus hingga 0.8 peratus bagi semua kategori bangunan.

Berdasarkan sudut pasaran komoditi, menurut artikel “**Steel Market: Trends and Projections for 2025 and Beyond**” yang diterbitkan oleh S&P Global pada 3 September 2025, pasaran keluli global dijangka kekal lemah sepanjang baki tahun 2025 dengan pemulihan sederhana pada 2026. Harga keluli di pasaran China dan Asia lain berada pada paras terendah dengan peningkatan yang terhad, manakala pasaran Eropah terus berdepan permintaan perlahan walaupun disokong oleh pengurangan pengeluaran dan langkah perlindungan perdagangan. Di Amerika Syarikat, pelaksanaan tarif Seksyen 232 sebanyak 50% telah memberi kesan ketara terhadap dagangan dan penetapan harga, sekali gus menghadkan persaingan daripada rantau lain. Secara keseluruhan, hala tuju pasaran global kekal dipacu oleh keseimbangan antara pelarasan pengeluaran dan turun naik permintaan.

•  
Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan mempengerusikan Jawatankuasa Sistem Statistik Komuniti ASEAN Ke-15 (ACSS15) yang bertujuan untuk memperkukuh kerjasama statistik ke arah pembangunan serantau yang mampan.


Malaysia buat julung kalinya telah menduduki tangga pertama (1) di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan *Open Data Inventory* (ODIN) 2024/25 yang dikeluarkan oleh *Open Data Watch* (ODW), mengatasi 197 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan 20 Oktober sebagai Hari Statistik Negara (MyStats Day), dengan tema 'Statistik Nadi Kehidupan.' Sementara itu, Hari Statistik Dunia Keempat akan disambut pada 20 Oktober 2025 dengan tema '*Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone*'.


OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Embargo : Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam 1200, Khamis, 9 Oktober 2025

Carta 1: Purata Harga Bar Keluli, Malaysia, September 2023 – September 2025



Carta 2: Purata Harga Simen, Malaysia, September 2023 – September 2025



Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA  
9 OKTOBER 2025**



# MEDIA STATEMENT

MINISTRY OF ECONOMY  
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

Block C6 & C7, Complex C,  
Federal Government Administrative Centre, Precinct 1,  
62514 Federal Territory of Putrajaya  
Telephone : 03 - 8090 4681

## **BUILDING COST INDEX, MALAYSIA SEPTEMBER 2025**

***The unit price index of steel recorded an increase between  
0.4 per cent to 1.9 per cent in September 2025***

**PUTRAJAYA, October 9, 2025** – The Department of Statistics Malaysia (DOSM) published **SPECIAL RELEASE FOR BUILDING AND STRUCTURAL WORKS, SEPTEMBER 2025**. This report provides the unit price index of major building materials and the Building Material Cost Index (BCI) by building category and region.

In a statement today, Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin mentioned that the unit price index of steel recorded an increase in September 2025, ranging from 0.4 per cent to 1.9 per cent as compared to the previous month. The highest increase was observed in Miri (1.9%), followed by Perak (1.8%) and Sibü (1.7%).

The Chief Statistician of Malaysia also informed that the unit price index of steel & metal sections showed a slight increase in September 2025, with month-on-month change ranging from 0.2 per cent to 0.5 per cent in all areas in Semenanjung Malaysia, Sabah and Sarawak. Meanwhile, the unit price index of cement remained unchanged in all areas except a slight increase in the index for Terengganu & Kelantan (0.4%) and Sandakan (0.3%).

*An annual comparison for the period of September 2024 and September 2025 indicated that the unit price index for steel recorded a decline ranging from negative 2.8 per cent to negative 8.6 per cent involving most areas in Peninsular Malaysia, Sabah and Sarawak. The highest decrease in the unit price index for steel was observed in Pulau Pinang, Kedah & Perlis (-8.6%).*

*Nevertheless, the year-on-year comparison of the unit price index of cement increased between 0.5 per cent to 3.9 per cent in September 2025 as compared to the same month last year across all areas in Peninsular Malaysia, Sabah and Sarawak. The highest increase was observed in Tawau (3.9%), followed by Sandakan (2.8%) and Selangor, W.P. Kuala Lumpur, Melaka & Negeri Sembilan (2.5%).*

*The Chief Statistician of Malaysia also mentioned that the average price per unit of steel, consisting of mild steel round bars and Mycon 60 high tensile deformed bars, recorded a slight increase of 0.7 per cent with an average price of RM3,516.11 per metric tonne as compared to the previous month (August 2025: RM3,491.35 per metric tonne). In addition, the average price of Ordinary Portland cement also showed a slight increase (0.2%) with an average price of RM23.90 per 50 kg bag, as compared to August 2025 (RM23.85 per 50 kg bag).*

*A monthly comparison of BCI with steel bars for all building categories in Peninsular Malaysia recorded a slight increase ranging from 0.1 per cent to 0.8 per cent in September 2025 as compared to the previous month. The increase for BCI with steel was recorded for all building categories and areas.*

*Apart from that, BCI with steel bars in Sabah recorded a slight increase between 0.1 per cent and 0.6 per cent for all building categories in September 2025 as compared to the previous month. During the same period, BCI with steel bars in Sarawak also registered a slight increase ranging from 0.1 per cent to 0.8 per cent for all categories of building.*

**Embargo:** Only to be published or disseminated at 1200 hour, Thursday, October 9, 2025

*On the commodity market perspective, according to the article “**Steel Market: Trends and Projections for 2025 and Beyond**” published by S&P Global on September 3, 2025, the global steel market is projected to remain subdued through 2025, with modest recovery expected in 2026. Prices of steel in China and other Asian markets are at historic lows, meanwhile Europe continues to face weak demand despite support from production cuts and protectionist measures. In the United States, the 50 per cent Section 232 tariff has significantly impacted trade and pricing, limiting competition from other regions. Overall, global market trends remain driven by the balance between production adjustments and fluctuating demand.*


*ASEAN-Malaysia 2025 Chairmanship: The Department of Statistics Malaysia (DOSM) will chair the 15<sup>th</sup> ASEAN Community Statistical System Committee (ACSS15) which aims to strengthen the statistical cooperation towards sustainable regional development.*

*Malaysia, for the first time, ranked as number one (1) globally in the biennial Open Data Inventory (ODIN) 2024/25 report released by Open Data Watch (ODW), surpassing 197 other countries. This achievement marks a significant leap from its 67<sup>th</sup> position in the ODIN 2022/23 assessment.*

*The Government of Malaysia has declared October 20<sup>th</sup> as National Statistics Day (MyStats Day), with the theme 'Statistics is the Essence of Life'. Meanwhile, the Fourth World Statistics Day will be celebrated on 20<sup>th</sup> October 2025, with the theme 'Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone'.*

*OpenDOSM NextGen is a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.*

**Chart 1: Average Price of Steel Bar, Malaysia, September 2023 – September 2025**



**Chart 2: Average Price of Cement, Malaysia, September 2023 – September 2025**

